

19/08/2000

Opera Ayu Cendana beralih ke KL

Salbiah Ani

OPERA Ayu Cendana (OAC) yang memaparkan perjuangan orang seni dalam mempertahankan bangsawan daripada berkubur akan menemui peminat teater tanah air dari 4 hingga 10 September ini, bertempat di Panggung Eksperimen.

Teater arahan, lakonan dan skrip Fauziah Nawi itu, yang pernah dipentaskan di Ipoh, Perak, tahun lalu, akan menggunakan teknik dua dimensi kerana pentasnya kini adalah Panggung Eksperimen.

Pertukaran teknik itu terpaksa dilakukan sekalipun latihan sudah berlangsung selama berbulan-bulan lamanya kerana sebelum ini Sanggar Teater Fauziah Nawi menjangkakan pementasan mereka akan berlangsung di Istana Budaya.

"Sanggar Teater Fauziah Nawi terpaksa melakukan eksperimen sekalipun waktu latihan terlalu suntuk kerana pentasnya kini Panggung Eksperimen. Sungguhpun gelanggangnya sudah bertukar, kami tetap gembira," katanya dalam pertemuan dengan Sastera dan Budaya, baru-baru ini.

Opera Ayu Cendana menggunakan latar masa sekitar 1947 dan 1948 berkisar kepada perjuangan Kumpulan Bangsawan Bintang Timur ketika warisan kesenian Melayu itu berada di ambang maut.

Kumpulan itu bukan saja berdepan dengan masalah mendapatkan penonton tetapi juga pertelingkahan dalaman di antara anggotanya iaitu sama ada memulihara pementasan secara tradisional ataupun menerapkan unsur baru ke dalamnya.

Tidak ketinggalan ia turut disulami dengan persoalan sejangat, cinta teruna dara, di antara pendatang baru dunia teater, Julia dengan Ramli, rupa-rupanya turut mengecewakan ketua dan pemain muzik kumpulan Bangsawan Bintang Timur, Taib dan Wak Sudar yang mencintai Seri Panggung itu dalam diam.

Ahli Kumpulan Bangsawan Bintang Timur berpecah dan Julia akhirnya ditemui menjadi tukang sapu dan pembuat kopi untuk kumpulan teater di bawah pimpinan Tengku Asyik.

Dalam pementasannya kali ini, Fauziah memilih Suhaila Sulaiman, graduan tarian Akademi Seni Kebangsaan (ASK), untuk memegang watak Julia kerana beliau mempunyai anatomi yang tepat sekalipun kurang dari aspek nyanyian.

Mislina Mustaffa selaku Misah, anak dara tua yang selalu menjayakan teater Inggeris dan enggan terbabit dalam pementasan bangsawan manakala Ladin Nuawi diberi kepercayaan tampil sebagai Sudin, 'badut' Bangsawan Bintang Timur.

Farahaizah Amat Zaharuddin selaku Rokiah, Ketua Chorus Bangsawan Bintang Timur, yang menggantikan Julia apabila primadona itu berundur diri daripada kumpulan terbabit.

Yuaz Bakhtiar Kassim selaku Taib, ketua pemuzik Bangsawan Bintang Timur yang mencintai Julia dalam diam manakala Reza Zainal Abidin sebagai Tengku Asyik, ketua Kumpulan Teater Asyik yang mencari jati diri Melayu nan semakin hilang.

"Kami dari Sanggar Teater Fauziah Nawi masih mengharapkan Khalid Salleh menerima tawaran melakonkan watak Wak Sudar dan kesediaannya bergantung kepada kedudukan kesihatannya," ujarnya.

Sanggar Teater Fauziah Nawi sebenarnya meminjam kata-kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang diucapkan dalam Perhimpunan Agung Umno 1996, lewat Opera Ayu Cendana.

Kata keramat ucapan Dr Mahathir yang dimaksudkan itu berbunyi: 'Bangsa

Melayu jika hendak maju, bukan bererti harus mengorbankan nilai kebudayaan tradisional yang positif, '.

"Kenapa kumpulan teater tradisional Melayu seperti makyong umpamanya yang bukan saja mendapat tempat di istana tetapi juga perhatian daripada ulama kini terus terpinggir malahan di tempat tertentu diharamkan?.

"Apakah kerana orang seni yang tersilap langkah dalam `percaturan' sehingga kegiatan itu menerima nasib malang sebegitu rupa atau pemimpin tidak memberi sokongan sewajarnya," ujar Fauziah.

Jika benar kegiatan kesenian tradisional termasuk makyong menyalahi hukum-hukum agama, mengapa pula sejumlah besar ulama terbilang Melayu dulu termasuk Tok Kenali memberi sokongan?.

Khabarnya, Sultan Muhammad ke-4 di Kelantan pernah memberi sokongan kepada kegiatan kesenian selain ulama pernah mempengerusikan dialog seni yang berlangsung di negeri itu pada 1917.

Apakah alasannya, maka kegiatan bengkel seni tidak pernah memanggil ulama untuk turut serta dan mengapa pula ulama seolah-olah enggan masuk campur dalam perkara sedemikian?.

"Kita orang seni perlu menilai diri dan mencari kesilapan yang pernah terjadi sehingga orang seni dipinggirkan. Orang seni juga bertanggungjawab mempertahankan maruah bangsa dengan menjayakan kegiatan mereka secara positif," kata Fauziah.

Babak 10 Opera Ayu Cendana memaparkan rumusan dan sebab musabab kegiatan kesenian seperti bangsawan dan makyong yang pernah bertapak di istana menerima nasibnya sebagaimana hari ini.

"Sepatah kata Ramli dalam Opera Ayu Cendana: Seni yang dah lapuk, tidak perlu dipandang tetapi akibatnya, kita sendiri menderita ekoran sikap sedemikian," katanya.

Opera Ayu Cendana mengenakan tiket RM20 manakala pelajar diberi potongan 50 peratus dan maklumat lanjut mengenai pementasan teater itu boleh diperolehi dengan menghubungi talian 03-4535393.

(END)